

Effectiveness of Andragogical Approach for Homestay Operators

Keberkesanan Pendekatan Andragogi kepada Pengusaha Inap Desa

Nor Hairul Palal^{*}, Amran Hamzah

Fakulti Alam Bina dan Ukur. Universiti Teknologi Malaysia (UTM), 81310, UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: nhairul2@live.utm.my

Article history: Received 25 April 2018 Received in revised form: 21 December 2018 Accepted: 11 April 2019 Published online: 30 April 2019

Abstract

Homestay, as a community-based tourism product of Malaysia has increased in popularity and demand among domestic and international tourists. Capacity building of homestay operators through training needs to be developed using the andragogy approach. Andragogy approach in training is chosen because of these homestay operators comprised of adults 40 years and above, and also those who do not possess any background in the tourism industry. Therefore, this study is conducted to examine the needs of the speaker approach from the perspective of the training participants. Accordingly, a qualitative study is conducted involving 50 respondents consisting of 3 groups; homestay operators, homestay coordinators and stakeholders involved with homestay in Malaysia. The usage of Atlas-Ti7 assisted in the formation of research themes and is further discussed in this study. The results show that the training needs andragogy should be applied to every course involving adults to ensure that training results are understood and applied in homestay.

Keywords: Homestay, community, adults, trainer and andragogy

Abstrak

Inap Desa merupakan produk pelancongan berasaskan komuniti yang mendapat tempat dalam kalangan pelancong tempatan dan antarabangsa. Pembangunan kapasiti operator homestay menerusi latihan perlu dibangunkan dengan menggunakan pendekatan andragogi. Pendekatan latihan secara andragogi perlu kerana kebanyakan operator ini adalah mereka yang berumur lebih 40 tahun dan tidak mempunyai latar belakang di dalam industri pelancongan. Oleh yang demikian kajian ini dijalankan untuk mengkaji keperluan pendekatan penceramah dari perspektif peserta latihan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan secara kualitatif terhadap 50 responden yang terdiri dari 3 kumpulan iaitu operator inap desa, penyelaras homestay dan pemegang taruh yang terlibat dengan inap desa di Malaysia. Transkrip kajian yang diperolehi dianalisa menggunakan Atlas-Ti7 bagi membantu membangunkan tema penyelidikan dan seterusnya dibincangkan dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan keperluan latihan secara andragogi perlu diaplikasikan pada setiap kursus yang melibatkan golongan dewasa bagi memastikan hasil latihan dapat difahami dan diaplikasikan di inap desa.

Kata Kunci: Inap desa, komuniti, dewasa, penceramah dan andragogi

© 2019 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Inap Desa atau *Homestay* merupakan produk pelancongan berasaskan komuniti yang mendapat tempat di kalangan pelancong tempatan dan antarabangsa. Ia merupakan antara produk pelancongan yang membantu menjadikan sumber pendapatan utama kepada negara (Syed Zamberi, Fauzia & Mehmood Khan, 2014). Homestay dilihat sebagai satu produk pelancongan yang penuh dengan keaslian alam sekitar semula jadi di samping pelancong berpeluang tinggal bersama dengan komuniti dan melihat kehidupan mereka di luar bandar. Selain dari itu, keistimewaan homestay dilihat dari aspek pengurusan. Ia merupakan produk pelancongan yang diuruskan sendiri oleh komuniti setempat (Roszman & Kunjuraman, 2014). Sehubungan itu, pelbagai latihan telah diberikan oleh pelbagai pihak untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran komuniti luar bandar ini untuk menjadikan mereka berpengetahuan dalam keperluan industri pelancongan. Keistimewaan homestay dilihat menerusi operator homestay, kebanyakannya homestay dikendalikan oleh mereka yang telah berumur. Namun disebabkan peluang dalam meningkatkan pendapatan, mereka bermotivasi untuk menjayakan aktiviti homestay agar menjadi satu tarikan kepada pelancong.

Keperluan meningkatkan pengetahuan operator homestay dilihat sangat perlu namun disebabkan kebanyakan mereka adalah telah berumur 40 tahun dan ke atas (Aziz & Yahaya, 2016 ; Johan Afendi & Mohamad Zaki, 2009) maka pendekatan yang bersesuaian perlu

ditekankan dalam sesi-sesi latihan yang dirancang. Keperluan menjalani latihan perlu mengambil kira kemampuan peserta yang rata-rata adalah mereka yang berumur. Fokus operator homestay apabila berada di dalam sesi kelas akan rendah jika terlalu lama. Malah sekiranya topik yang diajar tidak sesuai atau tidak hampir dengan keperluan semasa akan menyebabkan penerimaan ilmu adalah rendah. Oleh yang demikian, antara perkara yang perlu diambil kira di dalam latihan yang dijalankan adalah sejauh mana kemampuan penceramah menyampaikan maklumat kepada peserta latihan yang berumur. Pengetahuan, kemahiran dan pengalaman penceramah berinteraksi dengan golongan dewasa semasa sesi latihan perlu diambil kira. Malah keberkesanan latihan yang disampaikan oleh penceramah menerusi pendekatan andragogi akan memberi impak kepada peserta dewasa dalam sesi latihan yang diberikan (Brinia & Kritikos, 2012). Sehubungan itu, pendekatan andragogi atau pendidikan orang dewasa perlu ditekankan oleh penceramah untuk memastikan objektif latihan tercapai.

Andragogi atau pendidikan orang dewasa merupakan pendekatan latihan yang dilihat sangat perlu digunakan bagi golongan dewasa ini. Pendekatan latihan yang tepat mampu memberikan keberkesanan penerimaan ilmu yang maksimum (Ward, 2007). Pandangan ini dipersetujui oleh beberapa pengkaji lain seperti Walter (2009) dan Amran & Zainab (2009). Golongan operator homestay yang berumur ini seharusnya dibekalkan dengan pengetahuan yang mencukupi kerana kebanyakan mereka tidak mempunyai asas dalam industri pelancongan. Mereka perlu dibekalkan dengan pelbagai kemahiran seperti kemahiran pengendalian pelancong dan kemahiran berkomunikasi. Namun jika pendekatan kaedah latihan yang salah dan tidak bersesuaian dengan peringkat umur, kesan utama yang dilihat adalah pembaziran masa dan wang akan berlaku. Isu berkaitan betapa perlunya operator homestay untuk diberi latihan telah dibincangkan oleh ramai pengkaji sebelum ini seperti keperluan latihan dari aspek kepimpinan (Chantraprayoon & Sasiphalin, 2013), kemahiran berkomunikasi (Kidd, King & Whitelaw, 2004; Cyprian, 2012) kemahiran perkhidmatan (Hu et. al., 2012), pengetahuan dalam industri pelancongan (Johan Afendi & Mohamad Zaki, 2009) dan yang paling penting pengetahuan dalam pembangunan homestay (Abdul Rasid et al., 2011). Namun sejauh mana keberkesanan latihan yang diberikan merupakan faktor yang paling penting dalam memberi latihan yang berkualiti. Kuantiti latihan bukanlah satu pengukur kepada keberkesanan latihan, seharusnya kualiti latihan diperlukan untuk memastikan latihan yang diberikan dapat diterima dengan baik.

Sehubungan dengan itu, kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji keperluan latihan yang diperlukan oleh golongan dewasa di homestay dari perspektif peserta kursus terhadap penceramah. Kajian ini dijalankan secara kualitatif bagi mendapatkan pandangan operator homestay mengenai keberkesanan latihan yang diberikan dari aspek pendekatan penceramah. Kajian dilakukan di seluruh Malaysia yang melibatkan 50 responden. Responden yang ditemu bual mewakili 3 kumpulan utama pembangunan homestay iaitu operator homestay, penyelaras homestay dan pihak berkuasa yang terlibat secara langsung dengan pembangunan homestay.

■ 2.0 SOROTAN KAJIAN

2.1 Pembangunan Kapasiti Komuniti

Pembangunan kapasiti komuniti merupakan proses pembangunan komuniti untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian bagi organisasi, kumpulan serta individu dalam mencapai objektif yang dirancang. Ia adalah satu usaha menerusi peningkatan pengetahuan komuniti agar mereka boleh berdaya saing untuk pembangunan diri dan masyarakat setempat (Laverack & Thangphet, 2007). Pembangunan kapasiti komuniti ini perlu mendapat sokongan dari pelbagai pihak termasuk pihak berkuasa tempatan. Pernyataan ini disokong oleh Otoo et. al., (2009) di mana dorongan dari pihak berkuasa membantu perubahan dalam keberkesanan dan kecekapan untuk mencapai matlamat yang diinginkan. Dari aspek lain, pembangunan kapasiti komuniti dilihat sebagai salah satu cara membangunkan masyarakat ke arah yang lebih baik. Manakala dari perspektif pelancongan pembangunan kapasiti komuniti adalah selaras dengan perancangan membangunkan industri pelancongan agar komuniti lebih bersedia ke arah itu (Aref et. al., 2010). Dalam usaha merealisasikan pembangunan komuniti yang mampan, hubungan di antara individu dan komuniti perlu saling akrab dan perlu mempunyai matlamat serta hala tuju yang sama. Pada aspek ini, tiga pembangunan kapasiti perlu dititikberatkan iaitu pembangunan kapasiti individu (Rohayu & Noor Sharipah, 2013), kapasiti komuniti (Camino, 2005) dan kapasiti institusi (Aref, 2011).

Usaha untuk membangunkan sesuatu komuniti, merupakan perkara yang perlu dijaga dan dititikberatkan adalah pembangunan kapasiti individu. Pembangunan kapasiti individu merujuk kepada perubahan diri seseorang agar lebih yakin dan mampu berdikari menerusi latihan yang diberikan (Rohayu & Noor Sharipah, 2013). Sekiranya pembangunan individu ini dilihat dari perspektif pelancongan, seseorang itu mampu menjadikan aktiviti harian mereka seperti menoreh getah sebagai produk pelancongan yang mampu menarik kehadiran pelancong. Malah menerusi perkongsian pengalaman di dalam latihan mampu menjadikan seseorang itu lebih bersedia dalam bidang yang diceburi. Keyakinan diri menerusi pengalaman dan pengetahuan yang baru, menjadikan seseorang berupaya membentuk kumpulan mereka sendiri dan dalam masa yang sama membangunkan kumpulan tersebut seiring dengan matlamat mereka. Kesannya terbentuk hubungan di antara satu komuniti dengan organisasi yang lain seperti pihak kerajaan tempatan hasil dari teknik komunikasi yang berkesan. Merujuk kepada kajian yang dijalankan oleh Sebele (2010) di Khama Rhino Sanctuary Trust, Botswana menunjukkan pelancongan berasaskan komuniti membantu meningkatkan pendapatan komuniti setempat. Manakala kajian yang oleh Kalsom (2010) di Homestay Kampung Pelegong, Negeri Sembilan menunjukkan perkara yang sama. Pelancongan berasaskan komuniti membantu komuniti setempat dalam pelbagai perkara termasuk meningkatkan pendapatan mereka. Oleh yang demikian pembangunan kapasiti komuniti perlu dibangunkan sebaiknya demi kebaikan bersama yang boleh dikecapi oleh semua pihak.

Pembangunan kapasiti menerusi latihan merupakan proses pembelajaran yang dilakukan secara berterusan atau sepanjang hayat (PSH). Menurut Chit̄iba (2012) pembelajaran sepanjang hayat adalah merupakan usaha yang berterusan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan di dalam pekerjaan dan ia juga untuk kepuasan diri individu. Madinah et.al. (2004) menambah bahawa pembelajaran sepanjang hayat ini adalah untuk memenuhi objektif serta matlamat individu ataupun organisasi. Bagi keperluan homestay, latihan yang dijalankan cukup penting untuk masa depan dan hala tuju homestay. Merujuk kepada kajian yang dijalankan oleh Kunjuraman & Rosazman (2017) di Homestay Kampung Dagat, Sandakan Sabah menjelaskan kepentingan latihan yang diperlukan untuk membangunkan sumber manusia agar mereka dapat membangunkan lagi pengurusan homestay mereka. Manakala Norlida Hanim et.al. (2014) dalam kajian yang dijalankan melibatkan 5 buah homestay di Melaka berpandangan bahawa latihan adalah keperluan yang perlu diutamakan untuk menjadikan program homestay berjaya. Keperluan latihan bagi operator homestay dilihat perlu kerana jumlah kehadiran

pelancong ke homestay yang meningkat setiap tahun. Jumlah kehadiran pelancong pada tahun 2015 adalah seramai 391,225 orang, manakala bagi tahun 2016 berlaku peningkatan sehingga 410,522 orang. Kehadiran pelancong tempatan dan antarabangsa ini memberi pendapatan kepada keseluruhan homestay bagi tahun 2016 sebanyak RM 27,714,894.00 (MOTAC, 2017). Merujuk kepada data yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) sehingga Disember 2016, jumlah homestay yang berdaftar dengan MOTAC adalah sehingga 193 buah. Berdasarkan jumlah ini terdapat seramai 3,900 orang penyertaan dengan sebanyak 430 buah kampung yang terlibat untuk membekalkan 5,354 buah bilik di seluruh Malaysia. Oleh yang demikian, amatlah perlu membekalkan latihan yang sewajarnya kepada operator homestay bagi memastikan jumlah kehadiran pelancong bertambah setiap tahun dan dalam masa yang sama akan berlaku peningkatan pendapatan kepada peserta homestay.

Proses mencari ilmu ini tidak terhad pada peringkat umur ataupun jantina seseorang, tidak mengira sama ada seseorang itu suri rumah atau bekerja. Keinginan mencari ilmu adalah faktor utama agar mereka mendapat ilmu yang dicari. Selagi ada keinginan untuk menambah ilmu maka seseorang itu pasti akan berusaha untuk mendapatkannya sama ada secara formal ataupun tidak formal (Brougère, 2013). Peluang untuk mendapatkan ilmu secara berterusan dilihat satu cara hidup yang sangat dititikberatkan pada masa kini. Seseorang itu akan lebih berpengetahuan dan lebih berdaya maju disebabkan pengetahuan dan kemahiran yang semakin meningkat. Malah menerusi peningkatan pengetahuan dan kemahiran, seseorang itu akan menjadi lebih baik berbanding sebelum ini dan dalam masa yang sama mampu membangunkan komuniti di sekelilingnya (Anuwar, 2005).

Peluang mencari ilmu di Malaysia dari aspek pendidikan sepanjang hayat adalah sangat tinggi. Kerajaan berusaha memastikan setiap individu berpeluang meningkatkan kemahiran mereka, malah Kementerian Pendidikan (2015) menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 pada Lonjakan Ketiga jelas menggariskan proses menghayati pembelajaran sepanjang hayat. Selain dari itu, kerajaan telah mengenal pasti 15 kementerian di dalam Malaysia menerusi Direktori Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Nasional 2012/2013 mengenai peluang kepada komuniti untuk mendapatkan ilmu pengetahuan (Kementerian Pengajian Tinggi, 2012). Proses memberi latihan juga telah dilaksanakan oleh MOTAC kepada operator homestay untuk memastikan kualiti dan kemahiran mereka dipertingkatkan. Senarai kursus yang ditawarkan oleh MOTAC kepada operator homestay di Malaysia dinyatakan pada Jadual 1. Senarai kursus ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan telah mempunyai usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepada operator homestay. Walaupun pelbagai usaha dan peluang telah diberikan oleh kerajaan dalam membantu komuniti meneruskan proses pembelajaran sepanjang hayat namun jika seseorang itu mewujudkan benteng dari meneruskan proses pencarian ilmu, maka tidak ada sesiapa yang dapat membantu proses ini diteruskan. Tiga halangan dalam mencari ilmu sebagaimana yang dinyatakan oleh Laal & Laal (2012) iaitu pertama, situasi dan persekitaran seseorang tersebut. Kedua adalah institusi, di mana amalan atau prosedur yang tidak menggalakkan orang dewasa dari menyertai aktiviti yang anjurkan. Manakala yang ketiga adalah status di mana ia melibatkan sikap dan persepsi seseorang dalam meningkatkan pengetahuan. Oleh yang demikian adalah perlu seseorang itu mempunyai keinginan diri untuk meningkatkan ilmu dalam usaha dalam proses pembelajaran sepanjang hayat.

Jadual 1 : Senarai Kursus yang diberikan bagi setiap negeri untuk Tahun 2011 hingga 2014
 Sumber : Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (2015)

Program / Kursus	Negeri																														
	Perlis		Kedah		Pulau Pinang		Perak		Selangor		Negeri Sembilan		Melaka		Johor		Terengganu		Kelantan		Pahang		Sabah		Sarawak		Wilayah Persekutuan Labuan				
	2011	2012	2013	2014	2011	2012	2013	2014	2011	2012	2013	2014	2011	2012	2013	2014	2011	2012	2013	2014	2011	2012	2013	2014	2011	2012	2013	2014	2011	2012	2013
Asas Pelancongan Desa																															
Mesra Malaysia		X																													
ACT Tourism	X	X																													
We Are The Host		X	X																												
Hospitality Service																															
Tourism Awareness																															
English for Homestay / Bahasa Asing	X																														
ASEAN Standard																															
Grooming and Etiquette	X																														
Go Green																															
Pengurusan Homestay																															
Penyediaan / Pengendalian Makanan																															
CPR / First Aids																															
Pemasaran / Keusahawanan		X																													
Kewangan																															
Seni Kraf																															
Refleksilogi																															
Kesenian Tarian																															
ICT																															
Laman Blog																															
Park and Garden																															

Pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan kapasiti dilihat saling berhubungan di antara satu sama lain. Hubungan itu dilihat menerusi pembelajaran sepanjang hayat yang melibatkan pembangunan dan peningkatan yang berterusan dari aspek pengetahuan (Chijiba, 2012), kemahiran (Laal, 2012) dan nilai (Ramlan et. al., 2008) yang diterima secara formal ataupun tidak formal. Manakala dalam pembangunan kapasiti tiga elemen yang dibangunkan adalah kepimpinan (Walker & Gray, 2009), penyelesaian masalah (Laverack & Thangphet, 2007) dan pengetahuan teknikal serta kemahiran (Chili, 2016). Usaha meningkatkan diri ke arah yang lebih baik menerusi peningkatan pengetahuan dan kemahiran agar diri seseorang itu menjadi lebih berkualiti terutama dalam memenuhi bidang kerja semasa yang diceburi.

2.2 Pendekatan Andragogi dalam Latihan

Andragogi atau dalam kata lain pendidikan orang dewasa merupakan satu proses pembelajaran yang diperlukan oleh golongan dewasa untuk meningkatkan ilmu pengetahuan mereka. Dari segi definisi Andragogi adalah satu seni dan sains yang membantu pembelajaran orang dewasa (Knowles, 1970; Reischmann, 2004; Froelich & Puig, 2009). Pendekatan pendidikan orang dewasa mempunyai keistimewaan tersendiri di mana pendekatan latihan yang diberikan lebih menjurus kepada keperluan semasa yang diperlukan dan ditambah dengan proses pembelajaran berdasarkan pengalaman. Melalui andragogi ini, golongan dewasa didedahkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan cara yang berbeza berbanding pendekatan pedagogi. Pendekatan latihan ini adalah kerana orang dewasa mempunyai keperluan dan keinginan yang berbeza berbanding golongan muda. Knowles merupakan di antara pelopor awal yang mengkaji mengenai Andragogi menjelaskan teori ini kepada 6 andaian (Ozuah, 2005; Blondy, 2007 & Chan, 2010) iaitu:

- i. Konsep sendiri (perlu mempunyai hala tuju sendiri, autonomi dan bebas).
- ii. Ingin mengetahui (keinginan untuk mengetahui nilai pembelajaran dan mengapa mereka perlu belajar).
- iii. Menggunakan pengalaman dalam pembelajaran (menggunakan segala pengalaman yang ada sebagai sumber pengetahuan).
- iv. Kesiediaan untuk belajar (kecenderungan bersedia untuk belajar di atas apa yang mereka percayai dan apa yang mereka ingin tahu).
- v. Orientasi kepada pembelajaran (berkeinginan untuk belajar agar pengetahuan yang diperoleh dapat digunakan untuk memudahkan tugas mereka).
- vi. Motivasi dalaman (mempunyai lebih motivasi dalaman berbanding motivasi luaran).

Peserta kursus yang terdiri dari golongan dewasa membina keinginan mereka sendiri untuk mendapatkan ilmu pengetahuan (Caminotti & Gray, 2012). Menerusi minat yang ada mereka akan lebih bermotivasi dan melihat apa yang dipelajari merupakan sesuatu yang bermakna. Pandangan ini dipersetujui Slev & Pop (2012) di mana menerusi kajian yang dijalankan beliau, pendidikan orang dewasa bukan hanya sekadar pengetahuan tetapi ia merupakan lebih kepada penerimaan, keberkesanan, berdaya saing dan inovasi dalam mengharungi persaingan global yang semakin meningkat. Sehubungan dengan itu, keperluan menjalani kursus adalah tinggi, namun salah satu faktor keberkesanan dalam latihan adalah kaedah penyampaian yang dilakukan oleh penceramah atau tenaga pengajar. Penceramah yang mengajar golongan dewasa perlu mempunyai kemahiran mengajar yang berbeza berbanding mengajar kanak-kanak kerana keperluan latihan adalah berbeza (Jarvis, 2014). Penyataan ini sehaluan dengan pandangan beberapa pengkaji terdahulu di mana proses mengajar golongan dewasa memerlukan cara pendekatan yang berbeza seperti pengajaran menerusi pengalaman (Knowles, 1970), mengajar menerusi kehendak dan keperluan peserta (Polson, 1993) dan memperoleh pengetahuan terkini berdasarkan situasi semasa (Whitmyer, 1998).

Seorang penceramah yang berkualiti seharusnya lebih peka kepada keperluan pendengar. Penggunaan konsep mengajar berdasarkan topik yang diberi semata-mata adalah tidak relevan dengan keperluan golongan dewasa. Walaupun tajuk diberi namun pendekatan yang digunakan termasuk dengan contoh-contoh yang diberikan perlu hampir dengan peserta agar pemahaman akan lebih berkesan. Oleh yang demikian, seorang penceramah itu seharusnya lebih bertindak sebagai fasilitator berbanding sebagai pengajar (Chatziefstathiou & Phillips, 2011). Memahami kehendak peserta golongan dewasa dilihat sebagai kunci utama kejayaan dalam memberi latihan yang berkesan dan berkualiti. 6 Prinsip andragogi yang diperkenalkan oleh Knowles boleh dijadikan sebagai panduan untuk memahami kehendak peserta.

Prinsip pertama iaitu konsep sendiri menunjukkan betapa golongan dewasa ini lebih matang untuk menetapkan hala tuju latihan yang diperlukan. Oleh yang demikian di akhir latihan mereka menginginkan apa yang diperlukan dan permasalahan yang dialami dapat diselesaikan sebaiknya (Arnaiz & Guillen, 2012). Prinsip kedua adalah sifat ingin mengetahui merujuk kepada keperluan peserta diterangkan dengan jelas topik yang akan diajar dan kepentingan topik yang akan dipelajari. Ini penting untuk membentuk hala tuju latihan yang akan dipelajari sepanjang latihan dijalankan. Prinsip yang ketiga adalah berkaitan dengan mengajar berdasarkan kepada pengalaman. Penggunaan pengalaman penceramah atau pengalaman dari peserta-peserta kursus yang lain dilihat sangat sesuai dan meningkatkan keyakinan mereka (Brown, 2002). Prinsip keempat merujuk kepada kesiediaan peserta untuk belajar. Mereka biasanya akan lebih berminat pada topik yang berkaitan dengan mereka ataupun topik yang menarik dan boleh digunakan dalam kehidupan serta kerjaya mereka. Prinsip yang kelima adalah berkaitan dengan orientasi kepada pembelajaran. Golongan dewasa ini hadir untuk mendapatkan penyelesaian kepada permasalahan yang dihadapi di tempat kerja mereka. Fokus mereka adalah jelas dan sesi latihan perlu menjurus kepada keperluan yang diinginkan berbanding maklumat-maklumat lain yang dianggap pengetahuan tambahan (Halili et. al., 2012). Manakala prinsip keenam adalah motivasi dalaman seseorang. Golongan dewasa yang hadir latihan kerana keinginan diri dan keperluan yang tinggi akan lebih bermotivasi dan lebih bersedia menerima input yang akan disampaikan (Kim & Merriam, 2004). Prinsip ini sangat penting kerana mewujudkan motivasi dalaman perlu hadir dengan ikhlas dan diterjemahkan dalam bentuk komunikasi 2 hala semasa latihan yang diberikan. Sehubungan dengan itu sebagai seorang penceramah yang berkesan perlulah mempunyai tahap komunikasi yang tinggi untuk menarik minat pendengar di samping menguasai dengan topik yang diajar (Brinia & Kritikos, 2012).

■ 3.0 METODOLOGI

Kajian yang dijalankan merupakan kajian secara kualitatif terhadap operator homestay, penyelaras homestay dan pemegang taruh yang terlibat secara langsung dengan homestay di Malaysia. Keperluan kajian ini dilakukan secara kualitatif adalah untuk mendapatkan sendiri maklumat dari responden secara bersemuka (Yin, 2009). Melalui sesi temu bual yang dijalankan pengkaji berpeluang dapat melihat sendiri reaksi responden semasa menjawab persoalan yang diberikan (Legard et. al., 2003). Seramai 50 responden yang melibatkan sebanyak 12 buah homestay dan 2 agensi kerajaan (pemegang taruh) iaitu Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri (MOTAC) dan Institut Kemajuan Desa (INFRA) yang banyak terlibat secara langsung dengan pembangunan homestay. Jadual 2 menunjukkan bilangan responden mengikut kategori kajian.

Jadual 2 Bilangan responden mengikut kategori

Bil	Kategori Responden	Bilangan Responden
1	Operator Homestay	32 responden
2	Penyelaras Homestay	10 responden
3	Pemegang Taruh	8 responden

Pemilihan responden homestay yang dikaji adalah menerusi pensampelan bertujuan bagi memastikan responden yang dipilih benar-benar membantu di dalam kajian yang dijalankan (Tongco, 2007). Bantuan dari Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Negeri (MOTAC) mengenal pasti homestay yang dikategorikan kepada empat kriteria iaitu pertama homestay yang mempunyai jumlah operator homestay yang tertinggi di setiap negeri, kedua penyelaras homestay tersebut merupakan operator homestay yang juga memegang jawatan di dalam Persatuan Homestay Negeri, ketiga homestay yang mendapat pendapatan yang tertinggi berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh MOTAC dan keempat merujuk kepada kebolehcapaian ke homestay tersebut dari bandar utama di setiap negeri. Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat homestay yang bersesuaian dari MOTAC negeri adalah menerusi temu bual bersemuka dan secara talian telefon. Jadual 3 menunjukkan rasional pemilihan homestay di dalam kajian yang dijalankan. Namun pemilihan responden dari setiap homestay adalah berdasarkan cadangan dari Penyelaras Homestay menerusi kriteria yang ditetapkan iaitu pertama responden perlulah berumur 40 tahun dan ke atas, kedua berpengalaman sekurang-kurangnya tiga tahun dalam pengendalian homestay dan ketiga kerap menghadiri pelbagai kursus yang ditawarkan untuk meningkatkan pengetahuan dalam pembangunan homestay.

Jadual 3 Senarai *Inap Desa* yang terlibat dan Rasional Pemilihan dalam Kajian

Bil	Nama Homestay	Negeri	Rasional Pemilihan
1	Homestay Kampung Paya Guring	Perlis	- Jumlah operator homestay paling ramai di Perlis iaitu 22 operator - Lokasi homestay berdekatan bandar Kangar
2	Homestay Wang Tok Rendong, Langkawi	Kedah	- Jumlah operator homestay paling ramai di Kedah iaitu 69 operator
3	Homestay Relau	Kedah	- Lokasi homestay berada di kedudukan strategik di antara Negeri Perak, Kedah dan Pulau Pinang. - Pemilik adalah Timbalan Pengerusi Homestay Malaysia
4	Homestay Banghuris	Selangor	- Antara 10 homestay yang mempunyai pendapatan tertinggi di Malaysia bagi tahun 2011 hingga 2014. - Pemilik adalah Pengerusi Homestay Negeri Selangor
5	Homestay Pachitan	Negeri Sembilan	- Jumlah operator homestay paling ramai di Negeri Sembilan iaitu 38 operator - Lokasi homestay yang berdekatan dengan KLIA
6	Homestay Seri Tanjung	Melaka	- Antara 10 homestay yang mempunyai pendapatan tertinggi di Malaysia bagi tahun 2011 dan 2012. - Jumlah operator homestay paling ramai di Melaka iaitu 28 operator. - Pemilik adalah Timbalan Pengerusi Homestay Negeri Melaka dan Timbalan Pengerusi Homestay Malaysia
7	Homestay Kampung Sri Gunung Pulai	Johor	- Antara 10 homestay yang mempunyai pendapatan tertinggi di Malaysia bagi tahun 2011 hingga 2014
8	Homestay Kampung Pantai Sepat 2	Pahang	- Lokasi homestay berdekatan bandar Kuantan
9	Homestay Kampung Teluk Ketapang	Terengganu	- Jumlah operator homestay paling ramai di Terengganu iaitu 44 operator. - Pemilik adalah Pengerusi Homestay Negeri Terengganu - Lokasi homestay berdekatan bandar Kuala Terengganu
10	Homestay Kampung Kubang Telaga	Kelantan	- Jumlah operator homestay paling ramai di Kelantan iaitu 32 operator
11	Homestay Santubong	Sarawak	- Pemilik adalah Pengerusi Homestay Negeri Sarawak - Lokasi homestay berdekatan bandar Kuching
12	Homestay Kuposizon	Sabah	- Pemilik adalah Bendahari Homestay Negeri Sabah

Pemilihan responden berumur 40 tahun dan ke atas sesuai dengan kajian yang dijalankan terhadap golongan dewasa di homestay di mana kategori golongan dewasa yang dinyatakan oleh Hansman & Mott (2010). Merujuk kepada Creswell (2012) memilih dan mengenal pasti responden merupakan satu strategi untuk mendapatkan input yang terbaik. Sesi temu bual dirakam menggunakan perakam suara dan diterjemahkan dalam bentuk transkrip bagi memudahkan proses analisa dapatan. Tempoh masa temu bual dilakukan selama 45 minit – 1 jam 30 minit bergantung kepada situasi semasa sesi temu bual. Transkrip temu bual dianalisa menggunakan perisian Atlas Ti7 bagi membantu mendapatkan tema-tema yang berkaitan dengan kajian menerusi 6 prinsip andragogi. Tiga tema diperoleh iaitu pengetahuan penceramah, keberkesanan penceramah dan interaksi penceramah dengan peserta kursus

■4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Keperluan latihan dalam pembangunan kapasiti komuniti di homestay sangat perlu bagi memastikan mereka dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran dalam pengendalian homestay. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji keperluan latihan yang diperlukan oleh operator homestay dari perspektif peserta latihan terhadap keberkesanan penyampaian penceramah. Perbincangan dilakukan menerusi tiga tema berdasarkan kepada enam prinsip andragogi yang diperkenalkan oleh Knowles. Tiga tema yang dibincangkan iaitu pertama adalah pengetahuan penceramah, kedua adalah keberkesanan penceramah dan ketiga adalah interaksi penceramah dengan peserta kursus.

Sepanjang kajian dijalankan pelbagai kursus yang disenaraikan oleh responden sepanjang mereka menyertai program homestay. Jadual 4 menunjukkan senarai kursus yang pernah dihadiri oleh responden menerusi anjuran pelbagai agensi. Kursus-kursus ini dilihat sangat berguna kepada operator homestay bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka. Namun kelemahan yang diperoleh dari maklum balas responden menunjukkan terdapatnya kekurangan keberkesanan kursus yang dijalankan terutama kursus-kursus yang berbentuk teori. Pendekatan yang diberikan tidak merujuk kepada keperluan golongan dewasa yang menyebabkan tumpuan latihan terjejas dan secara tidak langsung pengaplikasian kursus tidak dapat dilakukan. Sebagai contoh kursus perakaunan, kursus ini sukar dilaksanakan sekiranya peserta yang hadir bukan dari kalangan bendahari homestay serta mereka yang tidak menguruskan perbelanjaan isi rumah semasa kehadiran pelancong. Malah kursus pengurusan dan promosi juga kurang diaplikasikan kerana kebanyakan peserta lemah pada kemahiran penggunaan komputer terutama melibatkan media sosial masa kini.

Jadual 4 Dapatan organisasi yang menawarkan latihan dan kursus yang dihadiri

Bil	Agensi	Kursus
1	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC)	Kursus Pengurusan dan Promosi Kursus Perakaunan Kursus Asas Komputer Kursus Bahasa (English & Jepun) / 'English Tourism' Kursus 'We are The Host' Kursus Mesra Malaysia Kursus 'Act Tourism' Kursus Masakan
2	Pihak Institusi Kemajuan Desa, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (INFRA).	Kursus Asas Homestay
3	Iskandar Regional Development Authority (IRDA),	Kursus Pembangunan Keusahawanan
4	Langkawi Development Authority (LADA),	Kursus 'Customer Service'
5	Kedah Regional Development Authority (KEDA)	Kursus Ternakan Lebah Kelulut Kursus 'Customer Service' Kursus Asas Penginapan Hotel Kursus Tata sajian Makanan
6	Jabatan Pertanian	Kursus 'Landskap'
7	Maktab Koperasi Malaysia	Koperasi-koperasi Homestay Malaysia
8	RESDA	Kursus Asas Pengurusan Pokok Getah
9	Institut Pengajian Tinggi	Kursus Memasak Kursus Pengemasan Kursus Menghias Kek

Senarai kursus yang diperoleh dari responden menunjukkan komitmen pelbagai agensi di Malaysia yang ingin membantu perkembangan dan pembangunan kapasiti homestay. Namun sejauh mana keberkesanan latihan dibincangkan dari persepsi operator homestay mengenai ciri-ciri penceramah yang dilihat mampu memberikan pendekatan latihan yang berkesan untuk diri mereka. Berikut merupakan dapatan yang diperoleh dalam kajian yang dijalankan mengenai keperluan pendekatan penceramah berdasarkan enam prinsip andragogi.

4.1 Pengetahuan Penceramah

Penceramah merupakan individu yang mempunyai peranan yang penting dalam memastikan keberkesanan latihan yang dikendalikan olehnya berjaya atau tidak dalam menarik perhatian peserta. Dalam konteks andragogi, pengalaman seseorang penceramah sangat penting dalam memastikan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus dapat dipertingkatkan (Brinia & Kritikos, 2012), namun peranan penceramah sebenarnya lebih menjurus kepada fasilitator ataupun pemudah cara. Berdasarkan kepada prinsip pertama andragogi, golongan dewasa biasanya akan bertindak sendiri untuk mendapatkan apa yang mereka mahukan (Slev & Pop, 2012). Justeru itu, mereka seharusnya bijak memanipulasi apa yang ada di persekitaran dalam mendapatkan pengetahuan yang diperlukan berbanding mengharapkan input yang diberi oleh penceramah.

Merujuk kepada dapatan yang diterima dari operator Homestay Kubang Telaga Kelantan, peserta kursus memerlukan seorang fasilitator yang mampu menunjukkan panduan untuk mereka mendapatkan maklumat dari peserta kursus yang lain. Ini kerana setiap homestay mempunyai kekuatan dan kaedah pelaksanaan yang berbeza. Penyelaras Homestay Kampung Sri Gunung Pulai mengharapkan penceramah tidak hanya membaca atau merujuk kepada skrin pembentangan sahaja. Seharusnya penceramah perlu menerangkan maklumat yang disampaikan berdasarkan pengalaman. Namun jika ada dikalangan peserta kursus yang didapati mempunyai pengalaman dalam topik yang dibincangkan, maka peranan penceramah untuk melibatkan peserta tersebut dalam perkongsian pengalaman. Ini kerana, pengetahuan dan pengalaman dari peserta lain dilihat sebagai ilmu yang paling berkesan kerana pengalaman ini telah dilakukan dan terbukti memberikan hasil yang menarik. Sebagai contoh, perkongsian hasil ternakan rusa di Homestay Homestay Seri Tanjung Melaka dilihat satu produk pelancongan yang boleh diketengahkan di homestay lain. Perkongsian pengalaman dalam mendapatkan baka rusa yang baik, kaedah penjagaan dan sebagainya dilihat satu perkongsian ilmu yang sangat berkesan. Walaupun penceramah tidak mempunyai pengetahuan dalam memelihara rusa namun pengetahuan penceramah untuk menggunakan pengetahuan peserta untuk dikongsikan bersama peserta lain adalah sangat penting. Kaedah soalan jawab merupakan proses untuk membenarkan peserta meneroka sesuatu yang baru (Cox, 2015). Penggunaan persoalan "apa yang akan berlaku", "apakah kebaikan", "apakah perbandingan" dan sebagainya menjadikan peserta akan mula meneroka bagi mendapatkan jawapannya. Ini kerana rata-rata responden berpandangan penceramah perlu memainkan peranan yang penting dalam memberi input kepada peserta latihan dan membawa mereka meneroka sesuatu yang baru. Sekiranya penceramah tidak berkemahiran membawa peserta untuk meneroka sesuatu pengetahuan yang baru. Hal ini akan merugikan kerana

kebanyakan peserta homestay sedar bahawa kebanyakan penceramah hanya berpengetahuan menerusi pembacaan dan pengalaman peserta lain. Kebanyakan penceramah tidak pernah mengendalikan homestay sebagaimana yang mereka lakukan. Namun pengetahuan penceramah dari aspek pengawalan sesi latihan dan bijak menghubungkan pengetahuan teori mereka dengan pengalaman peserta kursus digabungkan menjadi satu sesi kursus yang berkesan.

Selain itu penceramah perlulah mampu menyampaikan pengetahuan secara jelas dan terperinci kepada peserta kursus. Penceramah yang mempunyai berlatar belakang dalam homestay mampu memahami keperluan peserta kursus dan dalam masa yang sama mereka memberi sesuatu pengetahuan berdasarkan senario sebenar pelancong yang datang ke homestay. Hal ini sering kali dilakukan oleh pihak INFRA dan MOTAC dalam mengendalikan Kursus Asas Homestay di mana sekurang-kurangnya satu slot ceramah akan diberikan kepada penyelarar homestay yang berjaya untuk mereka berkongsi pengalaman kepada peserta baru mengenai keadaan sebenar homestay apabila adanya kehadiran pelancong. Penceramah yang juga merupakan Penyelarar Homestay Kuposizon, Sabah dan Penyelarar Homestay Teluk Ketapang, Terengganu dilihat mampu menghidupkan sesi latihan menerusi pengalaman mereka mengendalikan homestay dan dalam masa yang sama membangunkan industri homestay di Sabah dan Terengganu. Pengalaman yang ada pada mereka mampu membuka mata peserta kursus untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dan mengelakkan perkara-perkara yang boleh merosakkan imej homestay.

Penceramah perlu bijak menangani golongan dewasa semasa latihan diberikan. Mereka perlu bersedia dengan kemahiran untuk mengendalikan golongan dewasa agar apa yang dilakukan akan lebih berfungsi dan menjadi tarikan kepada peserta latihan (Chatziefstathiou & Phillips, 2011). Melalui dapatan menunjukkan kebanyakan peserta memerlukan bantuan penceramah dalam proses pembelajaran. Menerusi sesi temu bual dengan pihak INFRA Sabah mereka berpandangan apa yang dilaksanakan adalah kakitangan INFRA yang terlibat dalam memberi latihan perlu menjalani latihan dalaman terutama melibatkan pengetahuan mengendalikan latihan kepada golongan dewasa. Hal ini penting kerana ada responden yang melihat penceramah yang kurang berpengalaman dan tidak memahami keperluan golongan dewasa akan menyebabkan tumpuan latihan akan hilang. Sehubungan dengan itu, pengetahuan psikologi perlu ada pada seseorang penceramah agar mereka lebih bersedia menguruskan situasi operator homestay yang telah berumur.

Kerenah, tumpuan, minat dan objektif peserta dewasa ini berbeza berbanding dengan golongan muda. Malah peserta golongan dewasa ini memerlukan maklumat yang jelas dan tepat mengenai permasalahan yang perlu diselesaikan sepanjang mengendalikan homestay. Hal ini selaras dengan prinsip andragogi kedua iaitu perasaan ingin tahu di kalangan golongan dewasa (Ozuah, 2005). Merujuk kepada dapatan kajian, perasaan ingin tahu di kalangan operator homestay adalah disebabkan pengalaman mereka menguruskan pelancong di homestay masing-masing. Ada kalanya pelbagai persoalan yang wujud seperti “Adakah kaedah melayan pelancong yang dilaksanakan bersesuaian dengan kehendak pelancong?”. “Bagaimanakah cara untuk menguruskan perbelanjaan berkhemah apabila pelancong datang?”, dan pelbagai persoalan lain. Sehubungan dengan itu, keyakinan menjawab yang ditunjukkan oleh seseorang penceramah mampu menunjukkan mereka merupakan penceramah yang mempunyai pengalaman yang luas. Di samping mampu memberikan contoh yang paling hampir dengan peserta homestay terhadap keperluan jawapan dari persoalan mereka.

Merujuk kepada dapatan kajian, kebanyakan responden berpandangan pihak penceramah perlu memahami keperluan peserta kursus. Hal ini penting bagi memastikan pengisian yang disampaikan lebih berfokus kepada keperluan peserta. Dengan cara ini, keinginan untuk mendengar dan keupayaan untuk memahami akan lebih tinggi. Contoh senario latihan yang dilihat berkesan adalah Kursus Bahasa Jepun. Keperluan ingin mempelajari kursus ini menjadi tinggi kerana perancangan dan pelaksanaan semasa di Homestay Kampung Sri Gunung Pulau Johor melibatkan kehadiran pelancong dari Negara Jepun. Namun penceramah perlu memenuhi keperluan ingin mengetahui peserta dipenuhi dengan menyesuaikan kaedah pengajaran orang dewasa dengan keperluan komuniti dalam pembelajaran bahasa. Cadangan yang diberikan oleh responden adalah menggunakan ‘Flash Card’ sebagai bahan mengajar. Kaedah ini sangat sesuai kerana proses komunikasi dengan masyarakat Jepun boleh dilakukan dengan menggunakan ‘flash card’. Pendekatan yang berbeza dilakukan oleh Homestay Relau Kedah, di mana sesi latihan diajar sendiri oleh penduduk setempat. Malah sesi latihan hanya dijalankan selama 2 jam bagi setiap sesi. Namun kekerapan latihan dan pelaksanaan secara praktikal dijalankan secara terus dengan pelancong dari Jepun menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan mudah untuk mereka mengaplikasikannya.

Selain itu, penceramah juga perlu mempunyai banyak pengetahuan mengenai produk pelancongan terutama dalam pembangunan produk pelancongan baru di homestay. Pengetahuan ini akan membuka minda peserta dalam masa yang sama menarik minat mereka kepada sesuatu yang baru dan boleh diaplikasikan di tempat masing-masing. Perkara ini selaras dengan prinsip andragogi kelima iaitu orientasi kepada pembelajaran (Holyoke & Larson, 2009). Menurut kepada pandangan responden, mereka akan lebih berminat mempelajari sesuatu yang baru yang boleh dibawa ke tempat masing-masing ataupun kemahiran yang boleh diaplikasikan di homestay mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa latihan yang di luar kemampuan mereka akan menyebabkan ilmu yang dipelajari tidak boleh digunakan. Contoh kursus ‘*landskap*’ yang pernah dihadiri oleh operator homestay dari Homestay Relau Kedah merupakan kursus yang sukar untuk dilaksanakan. Ini kerana kursus yang ditawarkan merupakan kursus aras tinggi dan memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi. Dalam kes yang lain, menurut pandangan responden dari Homestay Seri Tanjung Melaka mengenai cadangan penceramah kepada peserta kursus. Penceramah perlu bijak dalam memberi cadangan. Cadangan atau contoh yang diberi perlu sesuai digunakan di sesebuah homestay. Mencadangkan contoh mewujudkan pasukan zapin merupakan idea yang baik, namun adalah menjadi kesukaran kepada homestay melaksanakannya disebabkan kekangan golongan muda yang ada di sesebuah homestay dan tiada peralatan alat muzik yang boleh digunakan. Sehubungan itu, penceramah perlu membuat kajian sebelum hadir ke sesebuah sesi latihan dengan mengenal pasti status peserta dan perkembangan homestay mereka. Oleh itu, latar belakang penceramah perlulah dinilai sebelum melantik mereka sebagai penceramah bagi memenuhi keperluan peserta latihan.

4.2 Keberkesanan Penceramah

Keberkesanan seseorang penceramah merupakan perkara yang paling penting di dalam latihan. Menerusi pengalaman, kemahiran dan pengetahuan yang ada pada seseorang penceramah, ia dapat menghasilkan sesi latihan yang berkualiti (Brinia & Kritikos, 2012). Dalam aspek pembelajaran orang dewasa, keberkesanan penceramah dalam sesi latihan adalah sangat penting. Ia bukan hanya merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran penceramah dalam topik yang diajar, tetapi seseorang penceramah itu perlu mempunyai pengetahuan dalam pendidikan orang dewasa. Selain dari itu pengetahuan yang ada pada seseorang penceramah akan menjadi imej dan kredibiliti di hadapan peserta dewasa ini (Chatziefstathiou & Phillips, 2011). Pernyataan ini sependapat dengan Jarvis, (2014) di mana, seorang tenaga pengajar yang mengajar golongan dewasa perlu memahami keperluan dan pendekatan yang bersesuaian dengan keperluan peserta kursus. Dari

perspektif tenaga pengajar, mereka mempunyai pandangan sendiri untuk memastikan peserta kursus menerima pengetahuan yang ingin diberikan. Walau bagaimanapun dari perspektif peserta kursus mereka memerlukan sesuatu yang lebih dari penceramah tersebut.

Menerusi kajian yang dilaksanakan, peserta kursus dari golongan dewasa ini mempunyai keperluan dan kehendak yang tersendiri semasa mereka menghadiri kursus. Mereka berpandangan, keberkesanan seorang penceramah bukan hanya mengajar sahaja, namun ia merupakan proses untuk mendapatkan pengetahuan atau kemahiran dari sesi latihan yang diberikan. Peserta golongan dewasa ini menghadiri kursus dengan harapan ingin mendapatkan pengalaman yang baru dan pengalaman tersebut dihubungkan dengan pengalaman sedia ada (Kilpatrick et. al., 2010). Merujuk kepada kajian yang dijalankan, peserta kursus menginginkan satu proses latihan yang mampu memberi kesan kepada keperluan mereka di homestay. Responden dari INFRA menjelaskan bahawa latihan yang diberikan kepada penceramah yang dilantik dengan prinsip andragogi membantu proses latihan secara berkesan. Peningkatan kualiti penyampaian dapat dipertingkatkan dan disesuaikan dengan keperluan golongan dewasa agar input yang diberi dapat diterima secara maksimum.

Responden dari Homestay Seri Tanjung Melaka melihat penceramah yang dipilih perlu merujuk kepada pakar kepada bidang yang diajar. Sebagai contoh, bagi topik kebersihan di dapur, penceramah dari Kementerian Kesihatan sering dipanggil oleh pihak INFRA. Menurut pegawai INFRA yang ditemu bual, penceramah yang dipanggil juga merupakan individu yang terlibat dalam pemeriksaan homestay. Oleh yang demikian penceramah yang dilantik mampu memberi tunjuk ajar mengenai kaedah penjagaan kebersihan yang betul dari perspektif homestay. Melalui cara ini, peserta kursus dapat menggambarkan tindakan yang perlu dilakukan bagi memenuhi keperluan menjaga kebersihan. Kaedah ini sejajar dengan prinsip andragogi iaitu orientasi kepada pembelajaran. Keperluan penceramah yang berpengalaman adalah sangat penting untuk menjadikan sesi latihan tersebut berkesan. Selain dari itu, kebanyakan responden berpandangan seorang penceramah perlulah menguasai topik yang diajar malah mereka juga perlu mempunyai pengalaman yang luas dalam mengaitkan topik tersebut dengan suasana di homestay.

Golongan dewasa di homestay memerlukan bentuk penyampaian yang tidak terlalu menjurus kepada teori sahaja (Young, 2012). Kebanyakan responden berpandangan adalah lebih selesa pendekatan praktikal diberikan dalam sesi latihan yang dijalankan. Responden dari Homestay Kampung Paya Guring Perlis menjelaskan bahawa latihan yang dijalankan secara praktikal mampu memberi kesan yang lebih berbanding latihan secara teori. Pelaksanaan yang sering beliau laksanakan adalah membawa operator homestay ke sesebuah homestay yang lain. Segala kelemahan dan kekuatan akan dicatat dan dibincangkan bagi meningkatkan kefahaman mereka mengenai proses pembangunan homestay. Proses yang sama berlaku di Homestay Banghurus Selangor. Homestay ini sering dijadikan rujukan kepada homestay lain dalam pengoperasian homestay. Penekanan juga diberikan menerusi elemen perniagaan industri kecil dan sederhana yang dihidupkan sebagai sumber pendapatan tetap dan menjadi tarikan pelancong yang datang ke homestay ini. Proses latihan secara praktikal di samping perbincangan yang jelas membantu keberkesanan dan kefahaman kepada peserta kursus.

Selain dari itu, kebanyakan responden menjelaskan bahawa mereka memerlukan seseorang penceramah yang mampu menghidupkan suasana ceria di dalam kelas seperti mewujudkan elemen kelakar, sesi soal jawab, perbincangan dalam kumpulan, dan sebagainya. Suasana sebegini membuatkan proses pembelajaran lebih hidup dan tidak membosankan malah mampu menghilangkan rasa mengantuk di kalangan peserta kursus (Day et.al., 2011). Beberapa responden seperti dari Homestay Kampung Sri Gunung Pulai dan Homestay Banghurus Selangor berpandangan agar penceramah memasukan pendekatan jenaka bagi menghilangkan rasa tekanan di kalangan peserta kursus. Namun responden dari Homestay Teluk Ketapang Terengganu, berpandangan agar penceramah mengurangkan lawak yang berlebihan dan melibatkan isu-isu sensitif di dalam sesi latihan yang diberikan. Selain dari itu, seorang penceramah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kefahaman peserta kursus yang terdiri dari golongan dewasa. Pengalaman dan pengetahuan yang meluas di kalangan penceramah mampu menjadikan sesi perkongsian maklumat yang lebih proaktif melalui sesi komunikasi 2 hala. Keberkesanan latihan dapat dilaksanakan dengan baik kerana pengetahuan yang ada pada seorang penceramah dapat dikongsi dengan peserta kursus. Malah contoh yang diberikan yang lebih sinonim dengan keperluan homestay menjadikan golongan dewasa ini mudah menerima input yang diberikan. Merujuk kepada responden dari Homestay Relau Kedah bahawa penceramah perlu membentuk suasana agar peserta kursus dapat memberi maklum balas kepada persoalan dan dapatan latihan. Ini penting kerana ramai peserta kursus yang telah berumur segan dan tidak berkeyakinan untuk memberikan pandangan ataupun persoalan kepada penceramah. Mereka lebih suka melihat dan mendengar apa yang diterangkan. Suasana ini dilihat tidak bagus untuk proses komunikasi 2 hala kerana ada kemungkinan peserta kursus tidak jelas, tidak faham atau tersalah tafsir kepada apa yang diterangkan.

Penceramah yang berkualiti bijak menggunakan pengalaman peserta dalam proses pembelajaran dan latihan (Knowles et.al., 2005). Oleh yang demikian, kebijaksanaan dalam pengawalan perbincangan oleh penceramah mampu membantu sesi perbincangan menjadi lebih berkualiti terutama dalam menangani keperluan dan isu yang terdapat di dalam pembangunan homestay di samping memberi peluang peserta menceritakan pengalaman mereka untuk dikongsi bersama. Menerusi prinsip andragogi ketiga, golongan dewasa menggunakan pengalaman yang ada dalam proses pembelajaran (Ozuah, 2005). Sehubungan itu, peranan penceramah menjadi perkara utama untuk menjadikan sesi latihan sejajar dengan keperluan golongan dewasa. Berdasarkan kepada kajian, beberapa responden dari Homestay Pachitan Negeri Sembilan dan Homestay Kubang Telaga Kelantan menyatakan bahawa jika penceramah bijak dalam meminta mereka berkongsi pengalaman, mereka bersedia untuk berkongsi pengalaman mereka. Perkongsian ini akan lebih berkualiti apabila ada maklum balas dan sesi soal jawab di antara sesama peserta dan juga dengan penceramah. Selain dari itu, mewujudkan suasana latihan yang aktif adalah sukar jika tiada perancangan dari penceramah. Sekiranya proses latihan hanya melibatkan komunikasi satu hala, prinsip andragogi ketiga tidak dapat dicapai. Sebagaimana yang dinyatakan oleh responden dari Homestay Tanjung Sepat 2 Pahang. Pengajaran yang kurang berkesan berlaku apabila proses pengajaran hanya berdasar penerangan dari topik ke topik berdasarkan modul yang diberikan tanpa mengolah kaedah pelaksanaan bersesuaian dengan peserta. Oleh yang demikian, keberkesanan penceramah dari perspektif golongan dewasa di homestay adalah bukan hanya melalui bahan latihan yang menarik, ia juga meliputi dari aspek komunikasi, pengalaman, aktiviti dan perhatian yang diberikan oleh seorang penceramah.

4.3 Interaksi Penceramah dan Peserta

Pendekatan latihan yang diperlukan oleh operator homestay adalah dari aspek interaksi di antara peserta kursus dengan penceramah merupakan antara perkara yang perlu dititikberatkan. Hal ini penting bagi menjalinkan hubungan dan dalam masa yang sama penyampaian tidak hanya menjadi satu hala sahaja. Menurut prinsip andragogi kedua iaitu golongan dewasa mempunyai kesediaan diri untuk mendapatkan ilmu pengetahuan (Blondy, 2007). Merujuk kepada dapatan kajian yang dinyatakan oleh MOTAC Melaka menjelaskan

permintaan yang tinggi untuk operator homestay di Melaka menghadiri kursus penyediaan makanan menunjukkan mereka bersedia mendapatkan ilmu pengetahuan dari topik yang diajar. Malah merujuk kepada responden dari Homestay Santubung menjelaskan mentaliti komuniti untuk menghadiri kursus memasak adalah tinggi kerana mereka boleh menggunakan kemahiran ini untuk menerima kehadiran pelancongan dan juga untuk kegunaan sendiri. Namun, merujuk kepada responden dari Homestay Wang Tok Rendong Langkawi menjelaskan sekiranya tiada hubungan interaksi di antara peserta dan penceramah maka input yang diterima adalah kurang. Oleh yang demikian, jurang hubungan antara peserta dan penceramah perlu dikecilkan agar mereka lebih bersedia dan selesa untuk menimba ilmu.

Pada dasarnya mereka yang hadir kursus bersedia untuk mendapatkan ilmu bagi kegunaan mereka di homestay. Namun seorang penceramah itu perlu bijak memainkan peranan dalam memastikan keselesaan peserta latihan dikekalkan sepanjang latihan yang diberikan. Selain dari itu, memahami latar belakang peserta latihan adalah perkara utama yang perlu dilakukan bagi merancang bentuk latihan yang diberikan. Berdasarkan kepada maklumat responden dari INFRA menjelaskan, pendekatan 'icebreaking' merupakan kaedah yang sering digunakan di awal kursus bagi penceramah mengenali latar belakang peserta kursus. Manakala merujuk kepada responden dari Homestay Banghunis menjelaskan peserta juga perlu mengetahui latar belakang penceramah. Latar belakang penceramah yang sesuai dengan topik yang diajar akan membantu meningkatkan motivasi peserta untuk mempelajari topik yang akan diajar. Ini kerana perhatian golongan dewasa dalam latihan adalah melibatkan motivasi dan dorongan diri untuk menghadiri latihan di samping mempelajari sesuatu yang berguna untuk diri mereka. Sehubungan dengan itu, pendekatan yang digunakan perlulah memenuhi keperluan pendidikan andragogi agar dapat meningkatkan minat mereka dan sekali gus meningkatkan kefahaman mereka.

Dalam kajian yang dijalankan, beberapa perkara yang ditekankan oleh responden adalah mereka memerlukan bentuk latihan yang tidak melibatkan komunikasi satu hala sahaja. Bentuk latihan yang melibatkan perbincangan di antara penceramah dengan peserta dan peserta dengan peserta lain perlu diterapkan dengan baik agar matlamat kursus dapat penuhi. Penceramah perlu bijak mengendalikan aktiviti perbincangan dalam kumpulan agar penglibatan keseluruhan peserta berlaku. Hal ini penting kerana tumpuan peserta kursus adalah kurang jika mereka tidak meminati topik yang diajar ataupun mereka mempunyai tanggungjawab di rumah mereka. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi peranan penceramah untuk menarik perhatian mereka agar tumpuan yang lebih dapat diberikan sepanjang kursus yang dijalankan. Selain dari itu, beberapa pandangan responden seperti dari Homestay Kampung Paya Guring Perlis menyatakan topik yang diberikan perlulah topik yang mudah untuk dibincangkan dan kajian kes yang diberikan mudah dilaksanakan di homestay mereka. Bagi mereka sesi latihan bukanlah hanya melibatkan penceramah menceritakan pengetahuan dan pengalaman mereka. Seharusnya seorang penceramah perlu melibatkan peserta dalam aktiviti yang dijalankan (Halili et al., 2012) seperti berkongsi pengalaman ataupun menceritakan kekangan yang dihadapi sepanjang mengendalikan pelancong. Responden dari Homestay Kampung Gunung Pulai menjelaskan beliau sering dipanggil untuk menceritakan pengalaman yang ada sepanjang mengendalikan homestay kepada peserta kursus yang lain. Harapan beliau, perkongsian pengalaman ini boleh dijadikan ilmu untuk dibawa ke tempat masing-masing.

Bentuk latihan secara praktikal merupakan antara kaedah yang untuk interaksi yang baik. Peserta latihan akan lebih aktif ingin berkomunikasi dan meminta tunjuk ajar dari penceramah. Minat peserta kursus bertambah kerana mereka lebih gemar kepada ilmu praktikal (Young, 2012) yang boleh digunakan di dalam aktiviti harian mereka. Merujuk kepada dapatan kajian seperti yang dinyatakan oleh responden dari Homestay Kampung Kubang Kelantan, latihan yang dijalankan secara praktikal akan meningkatkan keinginan untuk mengetahui kenapa dan mengapa. Sebagai contoh, kursus memasak yang mereka pelajari. Pelbagai persoalan ditanya kepada penceramah seperti "mengapa perlu letak bahan ini?", "boleh tak kalau nak tukar dengan bahan lain" dan sebagainya. Keinginan untuk mengetahui dinyatakan secara terus kepada penceramah kerana bagi mereka pembelajaran yang dipelajari adalah menarik dan boleh diaplikasikan di tempat mereka. Hal ini adalah sejajar dengan prinsip andragogi ke lima iaitu pembelajaran berorientasikan kepada keperluan (Ozuah, 2005).

Penceramah perlu mempunyai kemahiran untuk menarik perhatian peserta kursus dengan suasana yang ceria. Sehubungan dengan itu, sesi latihan perlu diselang seli dengan gurauan dan gelak ketawa agar peserta latihan lebih ceria dan lebih tertarik dengan pendekatan penceramah. Pendekatan yang ceria ini ada diceritakan oleh responden dari Homestay Kampung Seri Gunung Pulai Johor. Namun bagi memastikan kefahaman peserta latihan, penceramah perlu menggunakan sesi soal jawab dengan peserta latihan. Penekanan yang dijelaskan oleh Responden dari Homestay Banghunis Selangor bahawa sesi soal jawab ini bukan sahaja memastikan kefahaman, ia juga sebagai kaedah menarik perhatian peserta agar bersama-sama di dalam sesi latihan yang dijalankan. Walau bagaimanapun soalan yang ditujukan perlulah soalan yang ringkas dan mudah untuk jawab. Ini kerana tujuan sesi soal jawab lebih menjurus kepada menarik perhatian peserta dan memastikan kefahaman mereka. Melalui cara ini, motivasi peserta akan meningkat untuk menghadiri kursus dan terlibat dengan aktiviti yang dijalankan. Merujuk kepada prinsip andragogi ke enam, golongan dewasa memerlukan motivasi dalaman bagi menimba ilmu (Bugos, 2014). Keselesaan peserta kursus dalam kaedah yang dilakukan oleh penceramah-penceramah kursus menjadikan mereka merasakan kursus yang dihadiri adalah sesuatu yang mampu memberi pulangan positif kepada mereka. Oleh yang demikian, cara yang digunakan oleh penceramah bagi menjadikan sesi soal jawab bukanlah sesi yang memberi tekanan kepada peserta. Pelbagai cara yang boleh digunakan antaranya meminta peserta lain untuk bertanyakan soalan atau memberi hadiah kepada mereka yang berjaya menjawab dengan betul. Selain dari itu, menurut responden dari Homestay Kampung Teluk Ketapang Terengganu bahawa setiap jawapan yang tidak tepat perlu diperbetulkan dengan secara berhemah agar peserta kursus tidak tersinggung. Namun galakan perlu diberikan untuk peserta terus menjawab soalan.

Bahan bantu mengajar seperti bahan pembentangan perlulah sesuatu menarik (Halili et al., 2012). Penggunaan paparan yang hanya mempunyai tulisan sahaja adalah tidak bersesuaian untuk golongan dewasa. Merujuk kepada responden Homestay Kopsizon Sabah dari aspek pembelajaran menerusi pengalaman, penggunaan gambar, video dan sebagainya mengenai homestay merupakan kaedah pembelajaran yang menarik. Manakala merujuk kepada responden dari Homestay Relau Kedah menjelaskan orang dewasa lebih cenderung kepada mempelajari sesuatu menerusi pengalaman orang lain dan dibincangkan secara menarik. Oleh yang demikian, bahan bantu mengajar sebegini amat sesuai digunakan dan jika disusuli dengan perbincangan pemahaman peserta kursus akan lebih bertambah. Penceramah boleh menggunakan bahan mengajar ini sebagai salah satu pendekatan perkongsian pengalaman sebagai mana yang diperlukan oleh golongan dewasa dalam andragogi dan secara tidak langsung menjadikan pembelajaran ini lebih berkualiti. Perkara yang penting kepada setiap responden adalah perhatian dari seorang penceramah dalam pelbagai bentuk penyampaian yang mudah, penggunaan bahan mengajar yang menarik dan kreatif, komunikasi dua hala yang berkualiti dan melihat ilmu yang ada pada peserta merupakan ilmu yang sangat penting untuk dikongsi dan dipersembahkan kepada pelancong. Secara keseluruhan pengetahuan yang

ada pada seorang penceramah dari segi topik yang dibincangkan dan kaedah pembelajaran orang dewasa merupakan satu keperluan untuk meningkatkan kefahaman peserta. Dengan kaedah ini, ilmu yang diberikan dapat diaplikasikan dengan baik di homestay peserta latihan.

■ 5.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Pendidikan orang dewasa andragogi dilihat sebagai satu keperluan yang perlu diaplikasikan dalam latihan yang melibatkan golongan dewasa. Pembangunan kapasiti homestay menerusi latihan perlu dibekalkan dengan kursus yang bersesuaian dan pendekatan yang seiring dengan keperluan peserta yang berumur lebih dari 40 tahun. Dalam konteks ini penceramah yang dilantik oleh agensi yang menawarkan kursus bertindak bukan hanya sebagai seorang penceramah, mereka seharusnya bertindak sebagai fasilitator dan pemudah cara untuk memastikan ilmu yang diberikan dapat diterima oleh peserta kursus. Enam prinsip andragogi dilihat sangat berfungsi dan perlu dilaksanakan di dalam setiap sesi latihan yang dijalankan. Sebagai seorang penceramah, mereka bukan hanya perlu mempunyai pengetahuan yang luas. Mereka juga perlu mempunyai pengalaman dalam operasi homestay dan dalam masa yang sama perlu berpengalaman dalam mengendalikan kursus kepada golongan dewasa. Pendekatan yang bersesuaian dan memenuhi keperluan peserta kursus mampu menghasilkan kualiti latihan yang dapat meningkatkan hasil produktiviti homestay. Hasilnya, pelbagai produk pelancongan baru dapat dihasilkan di samping kualiti perkhidmatan kepada pelancong dapat dipertingkatkan. Oleh yang demikian sebagai agensi pemberi latihan mereka perlu memastikan setiap penceramah yang dilantik perlu mempunyai asas dalam andragogi selain memilih penceramah yang berpengalaman kepada topik yang diajar.

Proses pembelajaran orang dewasa ini merupakan perkara yang perlu diambil kira dalam setiap latihan yang ditawarkan yang melibatkan golongan dewasa sebagai peserta. Saran kepada agensi pemberi latihan, modul TOT (*Training of Trainer*) berkaitan pendekatan andragogi perlu dibangunkan dan sentiasa dilakukan penambahbaikan untuk disampaikan kepada setiap penceramah yang dilantik. Hal ini perlu ditekankan kepada MOTAC dan INFRA kerana kedua-dua agensi ini merupakan agensi kerajaan yang bertindak sebagai pemberi latihan kepada operator homestay. Namun agensi lain perlu melakukan yang sama kerana setiap kursus yang ditawarkan akan melibatkan kos yang tinggi. Sekiranya pulangan hasil kursus yang rendah, ia akan merugikan segala usaha yang telah dirancang. Pelbagai pendekatan latihan perlu disesuaikan dengan peringkat umur peserta. Proses memberi latihan yang melibatkan jurang umur yang berbeza di antara golongan muda dan dewasa dalam sesi latihan yang sama akan menyukarkan kedua-dua pihak (penceramah dan peserta) untuk menjalani proses latihan yang berkesan. Malah memberi latihan kepada topik yang tidak bersesuaian dengan keperluan peserta juga akan menyebabkan hasil kursus yang kurang berkesan. Bagi menangani kekurangan kepada dapatan hasil kursus yang dijalankan, pembangunan dan pelaksanaan soal selidik dilihat sebagai alternatif yang boleh dilakukan. Namun pemberi latihan bukan hanya mengedarkan borang soal selidik dan menyimpan maklumat yang diterima sebagai rekod simpanan. Seharusnya setiap soal selidik perlu dianalisa untuk melihat maklum balas yang diberikan oleh peserta kursus. Malah dalam masa yang sama laporan kepada maklum balas perlu dikeluarkan untuk penambahbaikan latihan pada masa akan datang. Penceramah perlu dimaklumkan dengan kualiti penyampaian mereka untuk memastikan prestasi latihan yang disampaikan dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa. Usaha pembangunan memberi latihan perlu mendapat kerjasama dari pelbagai pihak agar kualiti latihan dapat dipertingkatkan untuk menjamin produk pelancongan yang diterima di peringkat antarabangsa.

Rujukan

- Abdul Rasid, A. R., Mohamad Zaid, M., Syed Shikh, S. A. K., Amran, H., Zainab, K., & Nor Haniza, M. (2011). Community Capacity Building: Lessons From Miso Walai Homestay. *WEC 2011 Ecotourism Research Symposium*, 86–88.
- Amran, H., & Zainab, K. (2009). *Handbook on Community Based Tourism: "How to Develop and Sustain CBT."*
- Anuar, A. (2005). Lifelong Learning: Policy of Malaysia and The Role of OUM. In *Seminar Organised by Korea National Open University*.
- Aref, F. (2011). Capacity Development of Community Organizations for Tourism Development and Planning in Shiraz, Iran. *Journal of Human Ecology*, 33(3), 197–201.
- Aref, F., Ma'rof, R., Gill, S. S., & Aref, A. (2010). Assessing the Level of Community Capacity Building in Tourism Development in Local Communities. *Journal of Sustainable Development*, 3(1), 81–90.
- Arnaiz, P., & Guillen, F. (2012). Self-concept in University-level FL Learners. *The International Journal of the Humanities*, 9(4), 81–91.
- Aziz, A., & Yahaya, I. (2016). Sustainable Community Participation in Homestay Program. *International Business Management*, 10(1), 18–23.
- Blondy, L. C. (2007). Evaluation and Application of Andragogical Assumptions to the Adult Online Learning Environment. *Journal of Interactive Online Learning*, 6(2), 116–130.
- Brinia, V., & Kritikos, D. (2012). Adult Trainers in Greece: Qualifications, Teaching Effectiveness, and Competency-Based Selection. *European Journal of Higher Education*, 2(2–3), 234–247.
- Brougère, G. (2013). Learning The Practice, Learning from The Practice: Tourist Practices and Lifelong Education. *International Journal of Lifelong Education*, 32(1), 93–106.
- Brown, J. O. (2002). Know Thyself: The Impact of Portfolio Development on Adult Learning. *Adult Education Quarterly*, 52(3), 228–245.
- Bugos, J. A. (2014). Adult Learner Perceptions: Perspectives from Beginning Musicians (Ages 60 - 86 Years). *Update: Applications of Research in Music Education*, 32(2), 26–34. <http://doi.org/10.1177/8755123314521034>
- Camino, L. (2005). Youth-Led Community Building: Promising Practices from Two Communities Using Community-Based Service-Learning. *Journal of Extension*, 43(1).
- Caminotti, E., & Gray, J. (2012). The Effectiveness of Storytelling on Adult Learning. *Journal of Workplace Learning*, 24(6), 430–438. <http://doi.org/10.1108/1366562111250333>
- Chan, S. (2010). Applications of Andragogy in Multi-Disciplined Teaching and Learning. *Journal of Adult Education*, 39(2), 25–35.
- Chantraprayoon, O. S., & Sasiphalin, W. (2013). An Appropriate Homestay Management Model for Banmor Community, papai Sub-district, Sansai District, Chiang mai Province, Thailand. *Business and Information*, 174–184.
- Chatziefstathiou, E., & Phillips, N. (2011). From Pedagogy to Adult Training: A Comparative Research on the Roles of the Educator-School Teacher and the Adult Trainer. *Review of European Studies*, 3(1), 101–110. <http://doi.org/10.5539/res.v3n1p101>
- Chili, N. S. (2016). Tourism Skills Development and Community Capacity Building in Umlazi Township, South of Durban Central Business District. *International Journal of Tropical Agriculture*, 34(3), 827–835.
- Chijiba, C. A. (2012). Lifelong Learning Challenges and Opportunities for Traditional Universities. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 46, 1943–1947. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.05.408>

- Cox, E. (2015). Coaching and Adult Learning : Theory and Practice. *New Directions for Student Services*, 148(Winter 2015), 27–38. <http://doi.org/10.1002/ace>
- Creswell, J. W. (2012). *Educational Research : Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th ed.).
- Cyprian, O. E. (2012). Adult Learning Development from the Prism of Homestay. *Higher Education Studies*, 2(3), 77–87. <http://doi.org/10.5539/hes.v2n3p77>
- Day, B. W., Lovato, S., Tull, C., & Ross-Gordon, J. (2011). Faculty Perceptions of Adult Learners in College Classrooms. *The Journal of Continuing Higher Education*, 59(2), 77–84. <http://doi.org/10.1080/07377363.2011.568813>
- Froelich, K. S., & Puig, E. A. (2009). Understanding Adult Learners. In *The Literacy Leadership team, Sustaining and Expanding Success* (pp. 6–15). Allyn & Bacon.
- Halili, S. H., Shukri, S. ., & Rashid, M. R. A. (2012). Aplikasi Prinsip Pembelajaran Dewasa Knowles dengan Penggunaan Mod Penyampaian Teknologi Sidang Video dalam Kalangan Pelajar Jarak Jauh. *AJTLHE*, 4(2), 79–90.
- Hansman, C. A., & Mott, V. W. M. (2010). Adult Learners. In C. E. Kasworm, A. D. Rose, & J. M. Ross-Gordon (Eds.), *Handbook of Adult and Continuing Education* (pp. 13–24). SAGE Publications.
- Holyoke, L., & Larson, E. (2009). Engaging the Adult Learner Generational Mix. *Journal of Adult Education*, 38(1), 12–21.
- Hu, Y.-C., Wang, J.-H., & Wang, R.-Y. (2012). Evaluating the Performance of Taiwan Homestay Using Analytic Network Process. *Mathematical Problems in Engineering*, 1–24. <http://doi.org/10.1155/2012/827193>
- Jarvis, P. (2014). From Adult Education to Lifelong Learning and Beyond. *Comparative Education*, 50(1), 45–57. <http://doi.org/10.1080/03050068.2013.871832>
- Johan Afendi, I., & Mohamad Zaki, A. (2009). Program Homestay Pemankin Pertubuhan Ekonomi Luar bandar, kajian Kes: Negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia. *Prosiding PERKEM IV*, 2, 227–242.
- Kalsom, K. (2010). The Nature of Cultural Contribution of a Community-Based Homestay Programme. *Tourism: An International Multidisciplinary Journal of Tourism*, 5(2), 145–159. <http://doi.org/10.5897/JAERD12.088>
- Kementerian Pendidikan, M. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi)*.
- Kementerian Pengajian Tinggi, M. (2012). *Direktori Pembelajaran Sepanjang Hayat*.
- Kidd, J. N., King, B. E. M., & Whitelaw, P. A. (2004). A Profile of Farmstay Visitors in Victoria , Australia and Preliminary Activity-Based Segmentation. *Journal of Hospitality and Leisure Marketing*, 11(4), 45–64.
- Kilpatrick, S., Stirling, C., & Orpin, P. (2010). Skill Development for Volunteering in Rural Communities. *Journal of Vocational Education & Training*, 62(2), 195–207. <http://doi.org/10.1080/13636820.2010.486929>
- Kim, A., & Merriam, S. B. (2004). Motivations for Learning Among Older Adults in a Learning in Retirement institute. *Education Gerontology*, 30, 441–455. <http://doi.org/10.1080/03601270490445069>
- Knowles, M. S., Holton III, E. F., & Swanson, R. A. (2005). *The Adult Learner* (6th ed.). Elsevier.
- Kunjuraman, V., & Rosazman, H. (2017). Challenges of community-based homestay programme in Sabah, Malaysia: Hopeful or hopeless? *Tourism Management Perspectives*, 21(January), 1–9. <http://doi.org/10.1016/j.tmp.2016.10.007>
- Laal, M. (2012). Benefits of Lifelong Learning. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 46, 4268–4272. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.06.239>
- Laal, M., & Laal, A. (2012). Challenges for Lifelong Learning. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 47, 1539–1544. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.06.857>
- Laverack, G., & Thangphet, S. (2007). Building Community Capacity for Locally Managed Ecotourism in Northern Thailand. *Community Development Journal*, 44(2), 172–185. <http://doi.org/10.1093/cdj/bsm058>
- Legard, R., Keegan, J., & Ward, K. (2003). In-Depth Interviews. In J. Richie & J. Lewis (Eds.), *Qualitative Research Practice : A Guide for Social Science Students and Researchers* (pp. 138–169). SAGE Publications.
- Madinah, M., Zaharah, H., & Abu Daud, S. (2004). Practices of Lifelong Learning in a Local Government Authority. *Malaysian Journal of Distance Education*, 6(2), 75–98.
- Norlida Hanim, M. S., Siti Hajar, M. I., Redzuan, O., & Saiful Nizam, M. (2014). Homestay in Melaka : Participation of Local Community the Impact and Potential. *South Asian Journal of Tourism and Heritage*, 7(1).
- Otoo, S., Agapitova, N., & Behrens, J. (2009). *The Capacity Development Results Framework: A strategic and Results-Oriented Approach to Learning for Capacity*.
- Ozuah, P. O. (2005). First, There was Pedagogy and Then Came Andragogy. *The Einstein Journal of Biology and Medicine*, 21, 83–87.
- Polson, C. J. (1993). Teaching Adult student. *Center for Faculty Evaluation and Development*, 29, 1–6.
- Ramlan, Z. A., Ahmad, E., & Wan Mohd Rashid, W. A. (2008). Pendidikan Sepanjang Hayat : Isu, Cabaran dan Peranan Sekolah Membangun Modal Insan dalam Komuniti Setempat. In *Seminar Kebangsaan Pengurusan Pendidikan PKPGB 2008* (pp. 1–9).
- Reischmann, J. (2004). Andragogy: History, Meaning, Context, Function.
- Rohayu, R., & Noor Sharipah, S. S. (2013). Pembinaan keupayaan Dalam Pelancongan Orang Asli: Satu Kajian Kes Dalam Komuniti Mah Meri. In *Proceeding of The International Conference on Social Research* (pp. 656–664).
- Rosazman, H., & Kunjuraman, V. (2014). Sustainable Community-Based Tourism (CBT) Through Homestay Program in Sabah, East Malaysia. In *Proceeding of The Social Sciences Research ICSSR*, 41–61.
- Sebele, L. S. (2010). Community-Based Tourism Ventures, Benefits and Challenges: Khama Rhino Sanctuary Trust, Central District, Botswana. *Tourism Management*, 31(1), 136–146. <http://doi.org/10.1016/j.tourman.2009.01.005>
- Slev, A. M., & Pop, A. (2012). A Model for Developing Adult Learner Effectiveness in New Roles and Environments. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 46, 2051–2055. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.05.427>
- Syed Zamberi, A., Fauzia, J., & Mehmood Khan. (2014). Entrepreneurs Choice in Business Venture: Motivations for Choosing Home-Stay Accommodation Businesses in Peninsular Malaysia. *International Journal of Hospitality Management*, 36, 31–40. <http://doi.org/10.1016/j.ijhm.2013.08.006>
- Tongco, M. D. C. (2007). Purposive Sampling as a Tool for Informant Selection. *A Journal of Plants, People and Applied Research*, (5), 147–158.
- Walker, J. T., & Gray, B. (2009). Community Voices — A Leadership Program Making a Difference in Rural Underserved Counties in North Carolina. *Journal of Extension*, 47(6).
- Walter, P. (2009). Local Knowledge and Adult Learning in Environmental Edult Education: Community Based Ecotourism in Southern Thailand. *International Journal of Lifelong Education*, 28(4), 513–532. <http://doi.org/10.1080/02601370903031363>
- Ward, L. T. (2007). *A Toolkit for Monitoring and Managing Community-Based Tourism*.
- Whitmyer, C. (1998). *Applying the Adult Learning Model to Online Learning*.
- Yin, R. K. (2009). *Case Study Research : Design and Methods* (4th ed.). SAGE Publications.
- Young, N. K. (2012). Effective Learning and Teaching of RDA: Applying Adult Learning Theory. *Journal of Library Metadata*, 12(2–3), 188–198. <http://doi.org/10.1080/19386389.2012.699836>